

**SKIM PERKHIDMATAN
BAGI JAWATAN INSPEKTOR POLIS GRED YA13**

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

INSPEKTOR POLIS GRED YA13 (LELAKI/WANITA)

1. Skim Perkhidmatan bagi jawatan Inspektor Polis YA13 yang dikeluarkan melalui:
 - i) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2016 bertarikh 7 April 2016 yang berkuatkuasa pada 1 Julai 2016.
2. Syarat-syarat permohonan :-
 - a). Terdiri dari Warganegara Malaysia;
 - b). **Berumur tidak kurang 18 tahun dan tidak lebih daripada 28 tahun (Kelulusan Sarjana Muda), tidak melebihi daripada 30 tahun (Kelulusan Sarjana) dan tidak lebih daripada 35 tahun (Kelulusan PhD) pada tarikh permohonan secara *online*;**
 - c). Kelayakan Akademik:
 - i). Ijazah Sarjana Muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji permulaan ialah pada Gred YA13: RM2,502.00]; atau
 - ii). Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji permulaan ialah pada Gred YA13: RM2,646.88]; atau
 - iii). Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dalam bidang-bidang yang diperlukan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji permulaan ialah pada Gred YA13: RM2,792.63]; atau
 - iv). Ijazah Doktor Perubatan Veterinar yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji permulaan ialah pada Gred YA13: RM2,938.39]; atau

- v). Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji permulaan ialah pada Gred YA13: RM3,084.15]; atau
- vi). Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.
[Gaji permulaan ialah pada Gred YA13: RM3,084.15]; atau
- vii). Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.
[Gaji permulaan ialah pada Gred YA13: RM3,229.91]; atau
- viii). Ijazah Sarjana yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji permulaan ialah pada Gred YA13: RM3,084.15]; atau
- ix). Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang forensik, matematik atau perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji permulaan ialah pada Gred YA13: RM3,375.67];
- xii). **Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.**

d). Kelayakan Fizikal:

Pemohon-pemohon hendaklah mempunyai ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:-

- i). Tinggi sekurang-kurangnya **163 sm** (lelaki) dan **157 sm** (wanita) tanpa bersepatu;
- ii). Berat badan sekurang-kurang **50 kg** (lelaki) dan wanita sekurang-kurangnya **48 kg**;
- iii). Mempunyai ukuran **Indeks Jisim Badan (BMI)** di antara julat **19 hingga 26**;
- iv). Ukuran lilitan dada biasa **81 sm** (normal) dan semasa menarik nafas **86 sm (lelaki sahaja)**;

- v). Lulus ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan **V/6/9** tanpa menggunakan alat bantuan;
- vi). Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- vii) Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar (kerajaan).

DIKSKRIPSI TUGAS :-

Menjalankan tugas-tugas kepolisan selaras dengan fungsi Jabatan Pengurusan, Jabatan Siasatan Jenayah, Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri/Ketenteraman Awam, Cawangan Khas, Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard, Jabatan Siasatan Penguatkuasaan Trafik, Jabatan Logistik dan Teknologi serta Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti.

Di antara tugas-tugas tersebut ialah mentadbir, merancang pencegahan jenayah, menyiasat, menangkap dan mendakwa, mengatur kawalan trafik, mengumpul risikan, menyediakan peralatan dan perhubungan, rondaan mencegah jenayah, mengawal, mengiringi pesalah-pesalah serta mengawal dan mengekalkan keselamatan awam di darat, laut dan udara bagi mewujudkan suasana aman dan tenteram di kalangan rakyat dan negara;

KELAYAKAN GAJI

<u>Jadual Gaji</u>	<u>Gaji Minimum</u>	<u>Gaji Maksimum</u>
Gred YA13	: RM 2,502.00	- RM 9,803.00
Kadar Gaji Tahunan : RM 230.00		

ELAUN DAN KEMUDAHAN

<u>Elaun dan kemudahan</u>	<u>Jumlah</u>
Elaun Tetap Perumahan	: RM 450
Elaun Cola	: RM100 - RM 350
Elaun Khidmat Awam	: RM 300
Elaun Khas PDRM	: RM 200
Elaun Seragam	: RM 500
Elaun Istiadat (3 tahun sekali)	: RM 3050
Elaun Kasut	: RM 300
Bayaran Insentif Wilayah (Bertugas ke Sabah/Sarawak dan sebaliknya) diberi berdasarkan peraturan gaji yang diterima	